



**PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR  
IKLAN JAWATAN KOSONG**

- 1. PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/OPERASI) GRED N17**
- 2. PEMBANTU AM PEJABAT (PELAYAN RUMAH) GRED N1**

Permohonan adalah dipelawa daripada rakyat Negeri Johor atau Warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan di Pejabat Menteri Besar Johor bagi jawatan seperti berikut:-

- 1. NAMA JAWATAN : PEMBANTU TADBIR**  
Taraf Jawatan : KONTRAK  
Kumpulan Perkhidmatan : SOKONGAN  
Skim Perkhidmatan : PEMBANTU TADBIR (PERKERANIAN/ OPERASI)  
Gred : N17  
Jadual Gaji : P1T1 RM 820.38 - P1T24 RM 2,151.35  
Lain-lain Imbuhan : Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM 115.00  
Imbuhan Tetap Perumahan - RM 180.00  
Elaun Sara Hidup - RM 300.00  
KWSP

**SYARAT LANTIKAN:-**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (a) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau Kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan;
- dan (ii) Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

2.	<b>NAMA JAWATAN</b>	:	<b>PEMBANTU AM PEJABAT (PELAYAN RUMAH DI KEDIAMAN RASMI YAB MBJ)</b>
	Taraf Jawatan	:	<b>KONTRAK</b>
	Klasifikasi	:	<b>PERKHIDMATAN PENTADBIRAN DAN SOKONGAN</b>
	Kumpulan Perkhidmatan	:	<b>SOKONGAN</b>
	Skim Perkhidmatan	:	<b>PEMBANTU AM PEJABAT</b>
	Gred	:	<b>N1</b>
	Jadual Gaji	:	<b>P1T1 RM649.15 - P1T22 RM1,506.79</b>
	Lain-lain Imbuhan	:	<b>Imbuhan Tetap Khidmat Awam - RM95.00 Imbuhan Tetap Perumahan - RM180.00 Elaun Sara Hidup - RM300.00 KWSP</b>

**SYARAT LANTIKAN:-**

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) **Lelaki** berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- (c)
  - (i) Berpelajaran di peringkat sekolah rendah bantuan penuh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan;
  - (ii) boleh bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred N1 : P1T2)

### 3. CARA MEMBUAT PERMOHONAN:-

- (a) Permohonan hendaklah dengan menggunakan **Borang MBJ.01** yang boleh diperolehi daripada pejabat ini dengan cara datang sendiri pada waktu pejabat.
- (b) Borang-Borang yang telah lengkap diisi hendaklah disertakan dengan salinan sah dokumen-dokumen berikut:
  - (i) Sijil Kelahiran
  - (ii) Kad Pengenalan
  - (iii) Sijil berhenti sekolah; dan
  - (iv) Lain-lain sijil/surat akuan berkaitan.
- (c) Permohonan daripada kakitangan yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan, Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peruntukan Perintah Am Bab A21 dengan menyertakan kenyataan perkhidmatan yang kemas kini berserta Laporan Nilai Prestasi Tahunan.
- (d) Borang permohonan boleh dimuat turun dengan melayari Laman Web Kerajaan Negeri Johor:-

<http://www.pmbj.gov.my>
- (e) Borang permohonan yang lengkap dipenuhi hendaklah dihantar ke alamat:-

**PEJABAT MENTERI BESAR JOHOR,  
ARAS 1, BANGUNAN SULTAN IBRAHIM.  
80502 JOHOR BAHRU.**

### 4. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Sebelum atau pada **3 JULAI, 2009**

### 5. CATATAN AM:

- i. Sila nyatakan Jawatan yang dipohon di **sebelah kiri atas sampul surat** pemohon
- ii. Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil temuduga.
- iii. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA.**
- iv. Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.